

Kemelut setinggan Kg. Pasir selesai

AMPANG JAYA 17 Ogos - Sebanyak 39 premis setinggan di persimpangan selekoh Kampung Pasir, Ukay Perdana, Hulu Klang di sini dirobohkan pihak berkuasa bagi membolehkan Projek Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) dilanjutkan dengan segera.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasa dan Hasil Persekutuan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), Mohd. Rashidi Ruslan berkata, operasi itu merupakan kali kedua selepas operasi pertama ditangguhkan.

"Tapak ini telah dibuat pengambilan tanah oleh kerajaan dan bayaran pampasan diberikan kepada semua pihak berkepentingan di atas tapak tersebut."

"Bagaimanapun, terdapat 39 premis menduduki tapak berkenaan tanpa kebenaran yang sah daripada pihak kerajaan," katanya kepada pemberita semasa operasi perobohan itu semalam.

Terdahulu, kerja-kerja merobohkan struktur premis tersebut yang wujud sejak tiga dekad lalu itu berjalan dengan lancar tanpa sebarang kekecohan seperti yang



KERJA-KERJA merobohkan premis setinggan di persimpangan selekoh Kampung Pasir, Ukay Perdana, Hulu Klang, Selangor, berjalan lancar tanpa sebarang insiden kelmarin. -UTUSAN/ROY AZIS ABD. AZIZ

berlaku pada awal bulan lalu.

Menurut Mohd. Rashidi, notis pengosongan tapak dikemukakan kepada semua pemilik struktur pada 20 Ogos 2016 dan 20 Jun lalu oleh Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

"Operasi kali ini selaras dengan Seksyen 426A, Kanun Tanah Negara 1965. Kerajaan Persekutuan mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa kerajaan negeri melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) dan telah bersetuju menjalankan operasi tersebut dengan segera," katanya.

Tambahnya, pihak konsesi, Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB) bersetuju memberikan wang sagu hati bernilai RM8,000 kepada setiap pemilik struktur berdasarkan budi bicara dengan persetujuan Mesyuarat MTES.

"Projek EKVE perlu dilaksanakan segera kerana telah lewat jadual selama 10 bulan berikutnya pendudukan secara tidak sah ini. Pelaksanaan projek tersebut akan mengurangkan kesesakan jalan raya dan memberi manfaat kepada penduduk setempat serta kawasan sekitarnya," katanya.